

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

**JTP 452 – Perhubungan Industri**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan. Jawapan anda harus disokong dengan mana-mana akta berkanun yang relevan jika perlu. Setiap soalan mempunyai markah yang berlainan.

Tuliskan angka giliran anda di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

1. Bahdrul telah dilantik sebagai pengurus sumber manusia di Tekun Sdn. Bhd. di zon perdagangan bebas. Beliau tidak arif tentang perundangan buruh di Malaysia kerana selama ini beliau bekerja di luar negara. Beliau diberitahu bahawa Akta Kerja 1955 ialah salah satu perundangan buruh yang penting dan meminta nasihat anda tentang perkara-perkara yang berikut:
  - (a) Seorang pengawal di pondok pengawalan telah pergi makan malam tanpa memberitahu sesiapa pada Khamis lalu. Akibat daripada tindakan beliau, beberapa orang pekerja telah dapat menyeludup keluar barangan Tekun Sdn. Bhd. Apakah tindakan yang wajar diambil oleh Bahdrul?
  - (b) Salah seorang pekerja di Tekun Sdn. Bhd. yang berpendapatan melebihi RM 1,500 tetapi kurang daripada RM 5,000 tidak berpuas hati dengan tindakan seorang pengurus dalam hal pembuangan kerja (retrenchment) akibat kegawatan ekonomi. Nasihatkan Bahdrul berkenaan garis panduan yang harus diikuti dalam hal pembuangan kerja (retrenchment).
  - (c) Bahdrul diarahkan oleh majikannya supaya menamatkan perkhidmatan seorang pekerja kerana pekerja tersebut terlalu aktif dalam kesatuan sekerja dan selalu mengambil cuti untuk menghadiri mesyuarat kesatuan sekerja. Terangkan kepada Bahdrul kesan tindakan tersebut dari segi perundangan buruh yang termaktub dalam Akta Perhubungan Industri 1967.
  - (d) Beberapa pekerja asing telah diambil bekerja oleh Tekun Sdn. Bhd. Jelaskan kepada Bahdrul hak-hak pekerja asing, seperti mana yang termaktub dalam Akta Kerja 1955.
  - (e) Seorang pemuda yang berumur 15 tahun telah memohon pekerjaan di Tekun Sdn. Bhd. Bahdrul bercadang mengambil pemuda tersebut bekerja mengendalikan jentera berat di Tekun Sdn. Bhd. Nasihatkan beliau tentang hak-hak pemuda tersebut dari segi perundangan .

[30 markah]

2. (a) Seorang pekerja asing yang bekerja di Maju Sdn. Bhd. telah mati akibat pergaduhan dengan rakan sekerja di tempat kerja. Pergaduhan tersebut berkaitan dengan isu pekerjaan serta isu peribadi. Nasihatkan Penyelia Maju Sdn. Bhd. sama ada pampasan perlu diberikan di bawah Akta Pampasan Pekerja kerana kematian pekerja berlaku di tempat kerja.

- (b) Selain daripada itu, seorang operator wanita dengan tiba-tiba telah bersalin di tandas wanita Maju Sdn. Bhd. Operator wanita tersebut baru disahkan dalam pekerjaannya. Beliau telah memberitahu Maju Sdn. Bhd. bahawa beliau telah mengandung semasa temuduga. Maju Sdn. Bhd. tidak tahu sama ada perlu membayar elaun bersalin kepada operator wanita tersebut. Nasihatkan Maju Sdn. Bhd. Anda perlu memberi andaian-andaian yang sesuai dalam jawapan anda.
- (c) Juruteknik-juruteknik dalam Maju Sdn Bhd. tidak begitu berpuas hati dengan tindakan yang dilakukan oleh pihak majikan. Mereka ingin mengambil tindakan industri terhadap pihak majikan. Apakah tindakan-tindakan industri yang boleh diambil oleh juruteknik-juruteknik tersebut dan apakah prosedur-prosedur yang perlu diikuti supaya tindakan industri yang diambil dikatakan sah dari segi perundangan.
- (d) Ion Sdn. Bhd. telah menjual kilang kasutnya kepada Qin Sdn. Bhd. Qin Sdn. Bhd. menawarkan penerusan perkhidmatan kepada pekerja-pekerja di kilang kasut pada terma dan syarat perkhidmatan yang sama seperti majikan lamanya. Nasihatkan Ion Sdn. Bhd. tentang tanggungjawab mereka mengikut Akta Kerja 1955.
- (e) Dalam kes Ion Sdn. Bhd. dengan Qin Sdn. Bhd. diatas, beberapa orang pekerja dari Ion Sdn. Bhd. enggan menerima tawaran Qin Sdn. Bhd. Nasihatkan para pekerja tersebut berkenaan dengan hak mereka dalam hal tersebut.

[30 markah]

3. Kesatuan sekerja pekerja bahan kimia telah menandatangani satu perjanjian kolektif dengan Shay Sdn. Bhd. tahun lalu. Dalam perjanjian kolektif tersebut, Shay Sdn. Bhd. diwajibkan membayar bonus sebanyak satu bulan setiap tahun kepada para pekerja. Selain daripada itu, Shay Sdn. Bhd. juga berjanji untuk membayar elaun makanan sebanyak RM 3.80 sehari. Elaun makanan tidak termaktub dalam perjanjian kolektif. Tahun ini, Shay Sdn. Bhd. enggan membayar bonus kepada para pekerja yang bukan ahli kesatuan sekerja atas alasan bahawa perjanjian kolektif tidak merangkumi mereka. Shay Sdn. Bhd. juga mengurangkan elaun makanan kepada RM 3.00 sehari. Jelaskan kepada semua pekerja di Shay Sdn. Bhd. berkenaan dengan hak-hak mereka berkenaan dengan bonus serta elaun makanan.

[10 markah]

## 4. Buat pengiraan untuk yang berikut :

- (a) Cik Siti telah bekerja lebih masa (overtime) pada minggu satu selama 6 jam. Dalam minggu kedua, Cik Siti telah bekerja lebih masa sebanyak 7 jam dan dalam minggu ketiga, beliau telah bekerja lebih masa sebanyak 4 jam. Dalam minggu keempat, Cik Siti tidak bekerja lebih masa tetapi, beliau telah bekerja pada hari rehat. Gaji bulanan Cik Siti ialah RM 1,130. Kirakan jumlah gaji yang diperolehi oleh Cik Siti untuk bulan tersebut termasuk lebih masa.

[5 markah]

- (b) Encik Harun telah bekerja untuk Alas Sdn. Bhd. sejak bulan Mac 1993. Beliau telah dibuangkan kerja pada 30 September 2002. Gaji tahunan terakhir Encik Harun ialah RM 23,480. Majikan bersetuju untuk membayar bonus sebanyak 2 bulan untuk tahun 2002 (genap tahun). Alas Sdn. Bhd. juga memberi insentif pambuangan kerja sebanyak satu bulan untuk setiap tahun genap bekerja dan akan dipro-ratakan sekiranya tidak genap setahun. Kirakan jumlah pampasan yang diperolehi oleh Encik Harun.

[7 markah]

- (c) Cik Juhi berazam untuk meletak jawatan pada 22 November 2002. Gaji bulanan beliau ialah RM 1,410. Syarikat di mana Cik Juhi bekerja setuju untuk membayar bonus sebanyak satu setengah ( $1 \frac{1}{2}$ ) bulan untuk tahun tersebut yang akan dipro-ratakan sekiranya seseorang pekerja belum mencapai genap setahun. Berapa banyak yang akan diperolehi oleh Cik Juhi dalam bulan November 2002 ?

[3 markah]

- (d) Encik Jong dengan isterinya bercadang untuk menggunakan wang simpanan KWSP mereka untuk membiayai sebuah rumah bertanah. Encik Jong mempunyai RM 378,000 dalam akaun KWSPnya. Isteri Encik Jong pula mempunyai RM 284,000 dalam akaun KWSP beliau. Kos rumah bertanah tersebut ialah RM 312,000. Mereka akan mengambil pinjaman daripada bank sebanyak 80% atau 90% daripada harga rumah dan mereka belum membuat keputusan. Kirakan jumlah yang boleh dikeluarkan oleh Encik Jong dan isterinya.

[5 markah]

5. Jelaskan prinsip-prinsip serta konsep-konsep berikut :

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan prinsip Keadilan Asasi (natural justice) dan bagaimana ia mempengaruhi keputusan yang dibuat oleh mahkamah buruh serta mahkamah industri ?
- (b) Jelaskan tujuan Kod Tingkahlaku untuk Keharmonian Industri dan terangkan siapakah pihak-pihak yang berkenaan yang telah menolong mendrafkan Kod tersebut.
- (c) Apakah yang dimaksudkan dengan pemecatan secara konstruktif dan beri contoh dimana pemecatan konstruktif boleh berlaku?
- (d) Nilaikan kejayaan Kod Hasutan Seks sejak pengenalannya kepada syarikat-syarikat swasta.

[10 markah]